- » On average, Malaysians spent 187 minutes daily on their mobile phones; as such businesses should take the opportunity to implement the right e-commerce strategy to promote products and services. With Southeast Asia being pegged as the new frontier for e-commerce, it is critical for consumer goods businesses to implement the right strategy for their brand.



OUTLOOK: POSITIVE

- **BNM:** Malaysia is on the brink of the next wave of e-payment transformation driven by the high penetration of mobile phones to complement debit cards to displace cash.
 - » The introduction of Interoperable Credit Transfer Framework (ICTF) will spur the next wave of e-payment migration. The service, which will allow a payer to instruct his institution to transfer funds to a beneficiary, takes advantages of the 42.8 million phone subscriptions in the country (70% of which are smartphones).
 - » This is to achieve a leveling of the playing field, where the banks and non-banks will have open access to clearing system which will facilitate the connectivity between banks and non-banks.

BUSINESS SERVICES



RECENT DEVELOPMENT

- **DOSM:** Value of construction work done in the 3rd quarter 2017 recorded a growth of 8.1% amounting to RM34.5 billion compared with 2Q2017 at RM33.8 billion.
 - » The expansion in value of construction work done was driven by positive growth in all sub-sectors: Civil engineering (18.0%), Special trades activities (10.5%), Non-residential buildings (2.8%) and Residential buildings (1.6%) sub-sector.
 - » In terms of contributions, Civil engineering sub-sector continued to dominate the performance of value of construction work done with 38.1% share followed by Non-residential buildings (29.2%), Residential buildings (28.2%) and Special trades activities (4.5%).



OUTLOOK: NEUTRAL

- Global airlines are projected to earn USD82.2 billion (RM337.3 billion) in ancillary revenue this year; a jump from USD67.4 billion last year. The amount has tripled from what airlines had made in 2010 at USD22.6 billion.

- » Baggage fees will make up the biggest portion of the income at 27% followed by a la carte services (25%), onboard services such as food, seating and duty free (21%), insurance, hotel and car hire (21%) and sale of frequent flier miles to banks (12%). These projections were made in a study by the consulting firm IdeaWorksCompany and online car rental distribution company, CarTrawler, involving 184 airlines.
- » However, the International Air Transport Association (IATA) predicts nearly 4.1 billion passengers will spend USD776 billion worldwide on air transport this year and ancillary revenue accounts for 10.6% of the expenditure.

URUS BESTARI

Dalam usaha untuk meningkatkan perniagaan kecil semestinya akan melibatkan kerja keras, memerlukan komitmen yang tinggi dan tentu saja, produk atau perkhidmatan yang tepat untuk pasaran. Walaupun sesuatu kejayaan itu tidak dapat dijamin, namun dengan tahap dedikasi yang jitu, kebanyakan perniagaan dalam pelbagai sektor mampu mencapai tahap pertumbuhan yang mampan. Di sini, kita akan melihat lima strategi yang dapat membantu dalam mengembangkan perniagaan kecil atau sederhana anda.

1 Invest In The Right People

Sekiranya anda serius untuk melihat perniagaan anda berkembang, adalah amat penting bagi anda untuk mempunyai sekumpulan orang di sekeliling anda (pekerja) dengan kemahiran, dedikasi dan pengalaman untuk sama-sama membantu menggerakkan perniagaan ke hadapan.

Dengan mengambil pekerja yang berkemahiran di peringkat awal, ianya akan mempengaruhi kadar di mana perniagaan anda akan dapat berkembang kemudian. Kakitangan yang anda gunakan pada peringkat permulaan mungkin tidak sesuai jika anda menginginkan perniagaan anda berkembang dengan jayanya pada masa akan datang, jadi bersiap sedia untuk membuat perubahan di mana dan apabila perlu. Setiap ahli pasukan haruslah mempunyai nilai tambah kepada perniagaan, dan berada pada tahap gelombang yang sama dalam mencapai aspirasi untuk pertumbuhan.

2 Kukuhkan Penjenamaan Anda

Sekiranya anda menginginkan perniagaan anda berkembang dengan jayanya, adalah sangat perlu untuk anda mempunyai imej jenama yang komprehensif untuk syarikat anda. Tidak kira sama ada perniagaan anda merupakan B2C atau B2B, proses pembinaan jenama merupakan faktor penting dalam memberi pengalaman positif kepada pelanggan ketika berurusan dengan perniagaan anda.

Dengan melampirkan perniagaan anda kepada imej jenama tertentu, anda akan mewujudkan hubungan emosi antara diri anda dan pelanggan anda. Bukan sahaja ini akan menjadikan mereka lebih cenderung untuk mengingati anda, malahan, mereka akan menjadi setia kepada jenama anda dan lebih cenderung untuk membeli produk anda pada masa akan datang. Mewujudkan jenama yang dipercayai adalah kunci kepada pertumbuhan perniagaan yang mampan.

3 Buat Ramalan Aliran Tunai Yang Tepat

Dalam mengoperasikan



5 Tip Untuk Mengembangkan Perniagaan Anda

oleh CEDAR Research Team

perniagaan kecil sudah semestinya memerlukan sumber kewangan tambahan, dan anda pasti akan merasai tekanan dalam membiayai pertumbuhan perniagaan tambahan jika anda tidak menguruskan kewangan anda dengan baik. Dengan menghasilkan ramalan aliran tunai yang tepat, dan sentiasa mengawasi dengan teliti dan kerap, anda boleh menjejaki peluang pelaburan dan mengekalkan pegangan yang mantap terhadap pengeluaran anda.

4 Tunjukkan kesetiaan kepada pelanggan sedia ada

Adalah mudah untuk menganggap bahawa pertumbuhan perniagaan bergantung kepada proses perkembangan ke pasaran baru untuk mencari pelanggan baru. Tetapi untuk mencapai pertumbuhan yang mantap dan organik, anda juga harus memberi tumpuan kepada pelanggan sedia ada dan terus komited dalam menyediakan produk dan perkhidmatan yang membawa mereka kepada anda pada awalnya.

Dengan menghargai dan melayan pelanggan sedia ada dan pelanggan setia anda, anda boleh mendapatkan penyokong jenama yang boleh terus membeli produk dan perkhidmatan anda atau memperbaharui kontrak dengan anda. Mereka juga lebih cenderung untuk mengesyorkan perniagaan anda kepada rakan dan keluarga mereka. Ianya akan dapat membantu mengembangkan

perniagaan anda secara semulajadi. Untuk menggalakkan *word of mouth referrals*, anda mungkin ingin mempertimbangkan untuk menawarkan diskaun kesetiaan dan tawaran untuk pelanggan berulang.

5 Cari Rakan Dagang Dengan Sumber Yang Betul

Sumber kewangan tambahan seringkali menjadi kekangan kepada para pemilik perniagaan ketika mereka cuba untuk mengembangkan perniagaan kecil mereka. Satu taktik yang digunakan kebanyakan perniagaan kecil untuk memulakan pertumbuhan adalah untuk menjalin kerjasama dengan firma yang lebih besar, yang mungkin dapat menyediakan pembiayaan dan sumber di dalam pertukaran produk dan perkhidmatan.

Kerjasama dengan syarikat lain tidak selalu bermakna wang tambahan akan berada di dalam poket anda, tetapi ia menjanjikan peluang yang boleh mendorong kepada pertumbuhan perniagaan. Sebelum anda mendekati rakan kongsi yang berpotensi, pastikan anda memahami dengan tepat apa yang perniagaan anda tawarkan, dan bagaimana pihak lain akan mendapat manfaat berkerjasama dengan anda. Ada kemungkinan perniagaan kecil anda hanya mempunyai penyelesaian yang inovatif untuk membantu perniagaan yang lebih besar, justeru menjadikan anda suatu cadangan pelaburan yang menarik.

Bagaimana Menjadi Ahli Pasukan yang Baik

Oleh Wan Zainuddin Wan Muda

Bekerja secara berpasukan merupakan keperluan yang penting- sama ada di rumah dengan ahli keluarga, di sekolah atau kolej atau dengan rakan sekerja. Sesebuah pasukan tidak berfungsi sekiranya satu anggota dalam pasukan itu gagal melaksanakan tugas. Bekerja dalam pasukan memerlukan tahap disiplin dan komitmen tertentu. Hanya apabila semua anggota pasukan bekerja dalam harmoni antara satu sama lain, maka pasukan dapat berfungsi dengan baik dan memenuhi objektifnya. Antara ciri-ciri menjadi ahli pasukan yang cekap dan bertanggungjawab adalah seperti berikut:

1 Tahu Tanggungjawab Anda

Sebagai ahli pasukan, anda mesti memahami tanggungjawab anda terhadap pasukan anda dan bertanggungjawab penuh terhadap tugas itu. Ingat, sebagai ahli pasukan, anda bertanggungjawab kepada ahli pasukan lain. Kejayaan pasukan bergantung kepada kejayaan anda menjalankan tugas dengan sempurna.

2 Belajarlah Untuk Menyesuaikan

Perubahan adalah satu-satunya perkara yang berterusan dalam kehidupan. Oleh itu, anda mesti mempunyai kemahiran untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling yang cepat berubah dan berfungsi dengan baik dalam semua senario.

3 Mengambil Bahagian secara Aktif Dalam Semua Aktiviti Pasukan

Buatlah inisiatif untuk terlibat secara aktif dalam semua aktiviti pasukan, sama ada brainstorming dan menghasilkan idea baru, perbincangan mengenai rancangan masa depan dan pelaksanaan rancangan - rancangan tersebut. Ini akan membantu anda untuk mewujudkan tempat yang penting untuk diri anda dalam pasukan.

4 Buktikan Komitmen Anda

Sebagai ahli pasukan, anda akan mendapat banyak peluang untuk membuktikan komitmen 100% anda terhadap pasukan dan menyumbang secara positif kepada kejayaan pasukan

anda. Jangan biarkan mana-mana peluang ini terlepas.

5 Belajar Mendengar Dan Bekerjasama Dengan Orang Lain

Perkataan "Pasukan" itu merujuk kepada sekumpulan orang yang mempunyai kemahiran tertentu, bekerja bersama untuk mencapai matlamat yang sama. Sebagai ahli pasukan yang boleh dipercayai, anda mesti mempunyai keupayaan untuk mendengar pandangan orang lain walaupun ia berbeza dari pandangan anda sendiri dan mencapai keputusan terbaik yang mungkin.

6 Kepentingan Terbaik Pasukan Diutamakan

Setialah kepada pasukan anda sedaya yang mungkin. Matlamat anda sepadan dengan matlamat dan objektif pasukan. Hanya dengan ini pasukan anda boleh berjaya.

7 Mesra Dan Menyenangkan

Untuk bekerja dengan baik dalam satu pasukan, anda mesti membangunkan minda yang positif dan mempunyai pandangan yang menyenangkan dan mesra terhadap semua rakan dan ahli pasukan anda.

Ketika anda menaiki tangga korporat, anda akan menyedari betapa pentingnya belajar untuk berfungsi dengan baik sebagai satu pasukan yang efektif.

Wan Zainuddin Wan Muda adalah Pengarah Kumpulan Modal Insan, SME Bank Malaysia. Beliau boleh dihubungi di wanzainuddin@smebank.com.my.



Temubual oleh Norhisham Hamzah

SEMBAWANG USAHAWAN bersama

Dato' Zalina Md Zik

Pemilik dan Pengendali
Stesen Minyak PetronNama Syarikat
ZMZ OmegaBidang Perniagaan
Pusat sehenti dan pengedaran
dan pembekalan bahan api petrol
dan diesel jenama PetronAlamat Perniagaan
Lot 2445, Jalan Pekan-Kuantan,
Peramu, Pekan, PahangTelefon
+609-4222 205Email
datozalina95@gmail.com

Dato' Zalina Md Zik telah memecah tradisi dan berjaya dalam perniagaan bagi industri yang majoritinya didominasi oleh lelaki. Beliau kini mengendalikan sebuah stesen minyak di bawah jenama Petron, di Peramu, Pekan, Pahang sejak 2012. Memilih konsep DODO (*Dealer Owned Dealer Operated*) sebagai pilihan operasi, beliau menjalankan perniagaan stesen minyak dengan menyediakan perkhidmatan sehenti, menjangkau stesen minyak yang biasa, dan berusaha untuk menyediakan perkhidmatan dan produk yang memenuhi dan melebihi jangkaan pelanggan.

Dato' Zalina telah sudi untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan dan pendapat beliau dalam dunia keusahawanan dengan **BizPulse**.

S: Bolehkah ceritakan secara ringkas bagaimana anda terlibat di dalam perniagaan ini?

Saya berasal dari Chukai, Terengganu namun stesen saya beroperasi di Peramu, Pekan, Pahang. Satu jarak yang jauh maka saya perlu menguatkan diri untuk menghadapi segala dugaan dan cabaran berniaga di tempat orang. Pada dasarnya, sebelum saya menjadi seorang *dealer* stesen minyak, saya adalah seorang

kontraktor. Saya mula mengendalikan stesen minyak pada tahun 2014 setelah selesai projek terakhir. Saya merupakan kontraktor kelas A. Pada masa itu, keadaan perniagaan adalah agak sukar. Bayangkan contohnya saya mendapat projek selama 2 tahun, tetapi tidak mendapat apa-apa projek untuk 3 tahun seterusnya. Adalah agak sukar untuk survive pada masa itu, di mana saya perlu menanggung perbelanjaan pada setiap bulan dan terpaksa kekal dalam perniagaan.

Memang sukar untuk saya ceritakan. Jadi, sebagai titik permulaan saya telah mengambil langkah ke arah perubahan dengan berjumpa seorang konsultan untuk bertanya tentang bidang lain yang dapat saya ceburi, selain kontraktor. Bidang apa yang saya dapat jadikan sebagai long term business. Sejak dari dulu lagi, saya memang suka berniaga dan tidak suka kerja dengan orang. Keluarga saya sendiri iaitu mak dan saudara mara saya terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan. Saya telah didedahkan dalam bidang keusahawanan sejak awal lagi dan dari situ saya belajar berdikari. Pihak perunding kewangan telah mencadangkan beberapa perniagaan dan salah satu bidang yang paling sesuai dan berpotensi ialah stesen minyak. Ini kerana kenderaan sentiasa memerlukan minyak, tiada benda lain yang boleh dijadikan pengganti. Keperluan untuk minyak itu

tidak akan pernah luput selagi adanya kenderaan di atas jalanraya. Jadi saya rasa ini merupakan satu peluang yang tidak boleh dilepaskan, maka saya mula berfikir apa yang saya perlu buat untuk menjadi seorang *dealer*.

S: Apakah yang mendorong anda untuk memulakan perniagaan ini?

Saya mula berjumpa dengan pihak Caltex, Shell, Petron, Petronas dan BHP untuk berbincang apa langkah seterusnya yang perlu saya lakukan. Selepas itu, saya melihat perbezaan di antara CODO (*Company Owned Dealer Operated*) dan DODO. CODO merupakan konsep di mana stesen minyak dimiliki oleh syarikat minyak dan usahawan menandatangani kontrak untuk jadi operator. Bagi DODO pula, usahawan perlu mempunyai tanah sendiri yang sesuai untuk membuat *construction* bagi membangunkan stesen minyak dan usahawan juga menjadi operator. Kebetulan pada masa itu, berkat dari hasil kerja sebagai kontraktor, saya ada menyimpan sedikit wang yang mencukupi untuk membeli sekeping tanah yang terletak di Peramu, Pekan. Sebenarnya saya telah membeli tanah itu pada tahun 2009, namun begitu, saya tidak merancang pun untuk membangunkan stesen minyak di atas tanah tersebut. Pada mulanya, saya merancang untuk membangunkan rumah kedai tetapi pada masa itu, Peramu bukanlah tempat yang sesuai kerana ia terletak di kawasan perindustrian.

Hasil dari rundingan dengan pihak konsultan, kami memutuskan adalah lebih sesuai untuk membangunkan sebuah stesen minyak. Berdasarkan nasihat konsultan dan pengalaman saya sebagai seorang kontraktor, saya mula merangka *feasibility study* bersama rakan-rakan. Kalau hendak berniaga, kita perlu mengkaji secara menyeluruh dan jangan syok sendiri dan jangan hanya memikirkan tentang untung besar sahaja. Setiap perniagaan mempunyai risiko masing-masing, tidak kira apa jua bidang yang kita ceburi. Jadi, satu langkah yang terbaik adalah dengan membuat *feasibility study*.

S: Apakah strategi atau konsep perniagaan anda yang berbeza daripada pesaing lain?

Setiap lokasi mempunyai keunikan dari segi cabarannya. Saya menggunakan kaji selidik yang saya jalankan itu untuk melihat apa keperluan yang perlu saya siapkan. Dengan keluasan tanah lebih kurang 1 ekar, saya berjumpa dengan pihak Petron yang masih dikenali sebagai Esso pada ketika itu. Saya mencadangkan bahawa stesen minyak saya ini dijadikan hentian rehat. Kebiasaannya Pusat Hentian Rehat

& Rawat (RnR) terletak di lebuhraya. Tetapi disebabkan masih baru, jadi peluang untuk berada di Lebuhraya itu amat tipis kerana volume untuk beroperasi di kawasan hotspot seperti itu sangat tinggi. Untuk mengawal operasi dan pelanggan dalam skala besar, jika tiada pengalaman yang cukup, ianya amat mustahil. Oleh sebab itu, walaupun stesen saya terletak di Peramu, Pekan, saya berhasrat untuk menambah nilai perniagaan saya dengan menjadikan stesen saya sebagai one-stop centre. Selain dari keperluan untuk mengisi minyak, para pelanggan juga akan berhenti untuk pergi ke tandas, membeli barang keperluan sepanjang perjalanan dan juga berehat seketika.

Sememangnya stesen minyak lain turut menyediakan surau, namun keluasannya yang tidak seberapa tidak mampu menampung pelanggan yang ramai dalam satu masa. Maka tercetuslah idea untuk saya membina surau yang lebih selesa dan besar berbanding stesen minyak yang lain. Telah menjadi hasrat saya sejak dulu lagi untuk melaksanakan tanggungjawab sosial saya dalam bentuk ini. Saya menekankan aspek keselesaan dalam memastikan surau dan kemudahan lain yang saya bina dapat memenuhi kehendak pelanggan. Kebanyakan surau di stesen minyak terletak begitu hampir dengan tandas. Seperti sedia maklum, aspek kebersihan amat penting bagi seorang Muslim. Oleh sebab itu, saya mengasingkan tandas dan surau agar pelanggan merasa lebih selesa dalam menunaikan tanggungjawab mereka. Stesen Petron Peramu juga menyediakan kawasan rehat santai bagi pelanggan berehat sebelum meneruskan perjalanan mereka.

S: Bagaimanakah anda menguruskan perjalanan perniagaan anda?

Selain dari jualan minyak, kedai serbaneka juga memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pendapatan yang lumayan jika kita bijak menguruskannya dengan baik. Sejajurnya, hasil dari jualan minyak tidak seberapa jika dibandingkan dengan hasil margin jualan kedai serbaneka. Satu benda yang sering dilupakan ialah perlunya untuk menjaga keadaan dan susun atur kedai. Ini dapat mempengaruhi pembelian pelanggan secara tidak sedar. Yang paling senang sekali ialah dengan menghias kedai mengikut perayaan contohnya waktu merdeka, kita hiaskan kedai dengan bendera, pada hari raya kita hiaskan dengan lampu raya, kad ucapan dan selitkan dengan promosi pada waktu yang sama.

Perkara *simple* begini secara tidak langsung akan mempengaruhi pelanggan



untuk menjadi pelanggan tetap kedai kita. Untuk mencapai pertumbuhan yang mantap dan organik, kita juga harus memberi tumpuan kepada pelanggan sedia ada dan terus komited dalam menyediakan produk dan perkhidmatan yang membawa mereka kepada kita pada awalnya. Dengan menghargai dan melayan pelanggan sedia ada dan pelanggan setia kita, kita boleh mendapatkan penyokong jenama yang boleh terus membeli produk dan perkhidmatan kita. Mereka juga lebih cenderung untuk mengesyorkan stesen kita kepada rakan dan keluarga mereka. Ianya akan dapat membantu mengembangkan perniagaan secara semulajadi.

Dari segi barang-barang yang dijual juga perlu dititikberatkan. Pada awal penglibatan saya dalam operasi stesen minyak, saya hanya mengikut sahaja produk-produk yang disyorkan di kebanyakan stesen minyak. Selama 6 bulan saya terpaksa menghabiskan stok yang ada kerana agak sukar untuk memastikan barang tersebut laku dijual. Sebagai contoh, biskut Oreo, tetapi tidak mendapat sambutan di kalangan orang Peramu, Pekan. Rata-rata penduduk Peramu lebih menggemari biskut-biskut kering yang memang telah menjadi menu petang mereka. Jadi, saya terpaksa melakukan promosi "beli 2, percuma 1" semata-mata untuk menghabiskan stok yang banyak di dalam stor daripada mengalami kerugian. Penduduk Peramu rata-rata amat menyokong produk tempatan, sebagai contoh, stesen minyak saya turut menjual produk kesihatan seperti Kacip Fatimah, Pamoga dan Qu Puteh. Ternyata, produk tersebut mempunyai pelanggan setianya sendiri di mana saya dapat menjana pendapatan dari situ. Dari situasi inilah saya belajar betapa pentingnya untuk kita membuat kaji selidik pelanggan yang tepat bagi memastikan produk yang kita pesan dari pembekal betul-betul dapat memenuhi permintaan sebenar pelanggan bagi mengelakkan sebarang pembaziran.


S: Bolehkah anda berkongsi aspirasi anda dalam perniagaan?

Dalam menjalankan perniagaan, tidak kira sama ada stesen minyak, kedai runcit mahupun warung kecil-kecilan, para pemilik perlulah menerapkan elemen kreativiti dalam menjalankan sesuatu perkara. Dalam erti kata lain, anda perlu berfikir dan berusaha dengan lebih keras bagi menjadikan perniagaan anda sesuatu yang lain daripada pesaing demi menarik minat lebih ramai pelanggan. Perniagaan yang mempunyai kreativiti tersendiri kebiasaannya akan lebih cepat dikenali oleh para pengguna tambahan pula sekiranya produk atau servis yang disediakan menepati kehendak pengguna. Akan tetapi, faktor kreativiti tersebut mestilah seiring dengan strategi perniagaan anda agar faktor itu benar-benar dapat memberikan impak kepada perniagaan yang diusahakan. Dunia perniagaan berkait rapat dengan kreativiti dan inovasi. Tanpa kreativiti dan inovasi, dunia perniagaan akan kekal statik tanpa sebarang pembaharuan dan perubahan.

Justeru, usahawan yang membudayakan kreativiti dan inovasi di dalam model perniagaan mereka, akan lebih bergerak maju dan berjaya berbanding usahawan yang kekal dengan model perniagaan tradisional, yang hanya mementingkan jualan semata-mata. Dengan menerapkan elemen kreativiti, sebarang produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, akan membentuk keunikan dan berbeza dengan produk atau perkhidmatan yang sama yang telah sedia ada di pasaran. Di Malaysia, kita mungkin mempunyai lebih 3500 stesen minyak. Tetapi apa yang dapat membezakan semua stesen yang ada? Jawapannya adalah sejauh mana kreativiti dan inovasi digunakan bagi menonjolkan kelainan dan keunikan produk masing-masing.

2052 : A Global Forecast for the Next Forty Years

Reviewed by Norhisham Hamzah



Author : Jorgen Randers

Pages : 377

Publisher : Chelsea Green Publishing

Forty years ago, *The Limits to Growth* study addressed the grand question of how humans would adapt to the physical limitations of planet Earth. It predicted that during the first half of the 21st century the ongoing growth in the human ecological footprint would stop - either through catastrophic "overshoot and collapse" - or through well-managed "peak and decline."

So, where are we now? And what does our future look like? In the book *2052*, Jorgen Randers, one of the coauthors of *Limits to Growth*, issues a progress report and makes a forecast for the next forty years from 2012. To do this, he asked dozens of experts to weigh in with their best predictions on how our economies, energy supplies, natural resources, climate, food, fisheries, militaries, political divisions, cities, psyches, and more will take shape in the coming decades. He then synthesized those scenarios into

a global forecast of life as we will most likely know it in the years ahead.

The good news: we will see impressive advances in resource efficiency and an increasing focus on human well-being rather than on per capita income growth. But this change might not come as we expect. Future growth in population and GDP, for instance, will be constrained in surprising ways - by rapid fertility decline as a result of increased urbanization, productivity decline as a result of social unrest, and continuing poverty among the poorest 2 billion world citizens. Runaway global warming, too, is likely.

So, how do we prepare for the years ahead? With heart, fact, and wisdom, Randers guides us along a realistic path into the future and discusses what readers can do to ensure a better life for themselves and their children during the increasing turmoil of the next forty years.

Norhisham Hamzah is a Senior Manager at the Centre for Entrepreneur Development and Research (CEDAR, a wholly owned subsidiary of the SME Bank Malaysia. He can be reached at norhishyam@smebank.com.my.

ENTREPRENEURS' EVENT CALENDAR

21-22
Dec

Malaysia Startup Festival 2017

Venue:

MAPKL Publika, Kuala Lumpur

An initiative by Hexx Event supported by EntreVestor and Tink Big Venture with a mission to connect all layers of the Malaysia's Start-up ecosystem, new and aspiring start-ups into one single festival. Malaysia Start-up Festival provides a platform for you to get to know local start-ups, build bonds and bridges, establish new connections, create new opportunities to accelerate your business, uplifting demos, pitch sessions and useful matchmaking opportunities between start-ups, investors and corporates.

23
Dec

How to Start an Affiliate Marketing Business

Venue:

Penang Affiliate Marketers, Georgetown

Who Else Wants to Discover The Secrets Of Successful Affiliate Marketing? Have you always wanted to start your own business but do not know which industry to be involved in? We will be sharing with you the latest business trend and the right industry to get involved in, how we generate profits and earn passive income and get to know the business partner that we work with.

30
Dec

Sync Products From Website to Facebook Shop & Start Earning

Venue:

Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC), Cyberjaya

Everyone's doing it, so you probably should, too: sell to people where they spend their time: Facebook and Instagram. Marketing on Facebook helps your business build lasting relationships with people, find new customers and increase sales for your online store. In this course, you will learn to use advance features, such as up-sell, cross-sell, coupon management, user management, analytics and others to further enhance the sales of your online store. Even more, we will guide you through sending your entire catalog from website to Facebook shop. It's ideal for merchants, retail and e-Commerce advertisers who want to reach customers on Facebook.